



11 Mac 2016
11 March 2016
P.U. (A) 59

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL PERTAMA DAN KELIMA) 2016

JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF FIRST AND FIFTH SCHEDULES) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SARAAN HAKIM 1971

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL PERTAMA
DAN KELIMA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*], Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama dan Kelima) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2015.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Saraan Hakim 1971, yang disebut “Akta ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(1)]

(1)	(2)	(3)
Hakim	Gaji (berpencen)	Tarikh mula berkuat kuasa
1. Ketua Hakim Negara	RM36,000.00 sebulan	1-7-2015
2. Presiden Mahkamah Rayuan	RM31,500.00 sebulan	1-7-2015
3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	RM30,500.00 sebulan	1-7-2015
4. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak	RM30,000.00 sebulan	1-7-2015
5. Hakim Mahkamah Persekutuan	RM28,500.00 sebulan	1-7-2015
6. Hakim Mahkamah Rayuan	RM27,500.00 sebulan	1-7-2015